

# Bekas PM yakin BN menang besar pilihan raya Kuala Berang

Um - 20/8/2004: 2 Perdana

SEREMBAN 19 Ogos — Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mendapat kemenangan besar pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Kuala Berang pada 28 Ogos ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pada pilihan raya umum lalu rakyat Terengganu telah menolak Pas kerana parti tersebut telah membuat pelbagai tafsiran salah.

Bagaimanapun, katanya, jentera BN tidak boleh leka berasaskan kepada kemenangan besarnya pada pilihan raya umum lalu dan perlu bekerja kuat untuk memastikan kemenangan memihak kepadanya.

“Orang Terengganu telah menolak Pas kerana parti itu telah membuat macam-macam tafsiran salah. Mereka menggunakan semua itu untuk memancing undi,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ceramah bertajuk “Sekolah Bertaraf Dunia” di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seremban 2 di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Pengarah Pelajaran Negeri, Datuk Rohani Sharif.

Pilihan raya kecil DUN Kuala Berang diadakan be-



**TUN Dr. Mahathir Mohamed bersama Mohamad Hasan melawat Galeri Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2, ketika menghadiri Majlis Ceramah 'Sekolah Bertaraf Dunia' di sekolah berkenaan, di Seremban, semalam.**

rikutan kematian wakil rakyatnya, Allahyarham Komaruddin Abd. Rahman pada 30 Julai lalu.

Ia menyaksikan pertembungan satu lawan satu di antara calon BN, Mohd. Zawawi Ismail dan calon Pas, Muhyiddin Abdul Rashid.

Pada pilihan raya umum lalu, Allahyarham Komaruddin menewaskan calon

Pas, Dr. Mamad Puteh dengan majoriti 1,695 undi.

Ini merupakan pilihan raya kecil pertama yang diadakan di negara ini selepas pilihan raya umum ke-11 pada Mac lalu yang menyaksikan BN Terengganu berjaya menumbangkan Kerajaan Pas dengan menguasai 28 daripada 32 kerusi DUN yang dipertandingkan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan Terengganu pada masa kini berusaha untuk mengotakan janji yang dibuat kepada pengundi pada pilihan raya umum lalu.

Katanya, Pas tidak mampu mentadbir negeri dengan sebaik mungkin kerana mereka tidak punya kepakaran yang secukupnya.